

Malaysia bangun vaksin titis dalam mulut

Oleh **Rohaniza Idris** - Mac 7, 2022 @ 3:41pm

roha@bh.com.my



Vaksin menerusi mulut atau semburan hidung sesuai untuk individu yang takut akan jarum. -
Foto hiasan NSTP/DANIAL SAAD

KUALA LUMPUR: Malaysia membangun vaksin COVID-19 yang boleh dititiskan ke dalam mulut dan semburan hidung.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim, berkata pelalian kaedah itu dibuat sebagai pilihan untuk rakyat.

Beliau berkata, ada sesetengah orang takut dengan jarum dan enggan mengambil suntikan.

"Antara pembangunan yang sedang diusahakan termasuk pemberian vaksin secara oral dan semburan nasal," katanya menjawab soalan tambahan Wong Kah Woh (PH-Ipoh Timur) di Dewan Rakyat, hari ini.

Kah Woh dalam soalnya ingin mengetahui pembangunan vaksin yang dilaksanakan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN), sama ada tertumpu kepada vaksin COVID-19 saja atau vaksin yang lain.

Ahmad Amzad menjelaskan, PPVN tidak tertumpu kepada penghasilan vaksin COVID-19 semata-mata tetapi turut membabitkan penghasilan vaksin bagi penyakit lain.

Buat masa ini, beliau berkata, Malaysia mempunyai keupayaan menghasilkan vaksin haiwan.

"Berkaitan tempoh 10 tahun (PPVN) adalah daripada segi pembangunan kapasiti supaya dalam 10 tahun, kita ada kapasiti untuk menghasilkan sepenuhnya pengeluaran vaksin secara tempatan.

Ahmad Amzad berkata, pada masa ini ada beberapa calon vaksin yang sudah melepasi fasa praklinikal dan kini menjalani ujian terhadap manusia.

"Insya-Allah kalau melihat kepada tahap kajian yang telah dilaksanakan itu, sekitar 2024 kita ada calon vaksin COVID-19 yang pertama," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan asal Datuk Zakaria Mohd Ederis (PN-Libaran) perkembangan terkini PPVN dan Institut Genom dan Vaksin Malaysia, katanya, sebanyak RM349.9 juta diperlukan untuk pemerkasaan institut itu dalam tempoh empat dari tahun 2022 hingga 2025.

"Keperluan peruntukan ini untuk mengatasi jurang yang dikenal pasti dalam penghasilan vaksin sendiri, akibat ketiadaan makmal untuk melaksanakan kajian praklinikal dan klinikal yang menepati piawaian serta kesukaran untuk mendapatkan pakar klinikal, terutamanya mengawal selia kajian praklinikal dan kajian klinikal fasa 1 dalam manusia," katanya.